



شجابه فريندهاران نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU  
Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,  
20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)  
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my



PERB.TR.U/16/01/01/2 – (48)  
Bertarikh : 27 Oktober 2013  
Bersamaan : 22 Zulhijah 1433

Semua Ketua Jabatan Negeri,  
**Terengganu.**

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
**Yang Berkenaan Sahaja.**

Tuan/puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU BIL. 3 TAHUN 2013  
PENUTUPAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2013**

~~~~~

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai persediaan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tahun 2013. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2013 ini perlu disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara selewat-lewatnya pada **10 Februari 2014.**

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pekeliling mengenai penutupan akaun ini dikeluarkan pada setiap tahun bagi menggariskan dengan terperinci tindakan yang perlu diambil oleh semua Ketua-ketua Jabatan termasuk penetapan tarikh penghantaran dokumen-dokumen kewangan yang berkaitan dengan proses penutupan akaun Kerajaan Negeri.
- 2.2 Untuk mempercepat serta mempertingkatkan kualiti penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013, Ketua-ketua Jabatan serta semua pihak yang terlibat hendaklah memberi kerjasama dengan mematuhi tarikh-tarikh penghantaran dokumen yang telah ditetapkan seperti di Lampiran I.
- 2.3 Kegagalan Ketua-ketua Jabatan serta pihak-pihak yang terlibat mematuhi peraturan ini akan mengakibatkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri lewat disediakan.

### 3. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

#### 3.1 *Pindah Peruntukan*

- 3.1.1 Sekiranya ada permohonan untuk pindah peruntukan yang perlu diselesaikan, Pegawai Pengawal hendaklah mendapatkan kelulusan segera sebelum **12 Disember 2013** bagi membolehkan pindah peruntukan tersebut diambilkira dalam tahun 2013.

#### 3.2 *Pengeluaran Pesanan Tempatan/Inden Kerja dan Pembayaran*

- 3.2.1 Semua Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan jabatan disemak dan dikemaskini dengan laporan perbelanjaan bulanan. Sehubungan dengan itu, sebelum pembayaran diproses, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan mencukupi, dokumen serta kelulusan adalah lengkap dan teratur bagi mengelak dari pembayaran berkenaan ditolak.
- 3.2.2 Pengeluaran Pesanan Kerajaan dan Inden Kerja perlu diberhentikan **mulai 28 November 2013** kecuali bekalan petroleum. Tindakan ini perlu bagi memastikan pembayaran dapat dibuat dalam tahun 2013. Jabatan perlu memohon **secara bertulis kepada Bendahari Negeri** sekiranya terpaksa mengeluarkan Pesanan Kerajaan/Inden Kerja melebihi tarikh yang telah ditetapkan.
- 3.2.3 Pesanan Kerajaan/Inden Kerja yang telah dikeluarkan dalam tahun 2013 tetapi tidak disah dan tidak diluluskan pembayarannya sehingga 9 Januari 2014 ianya perlu dibatalkan dan didaftarkan semula ke dalam sistem vot untuk dibayar dengan menggunakan peruntukan tahun 2014.
- 3.2.4 Baucer bayaran bagi bil-bil yang diterima dalam tahun 2013 perlu diluluskan di peringkat jabatan **selewat-lewatnya pada 19 Disember 2013**. Ketua jabatan hendaklah memastikan supaya baucer-baucer bayaran dibayar sebelum tempoh AKB bagi mengelakkan lambakan baucer bayaran dalam tempoh AKB kerana tumpuan harus juga diberi kepada pemprosesan baucer jurnal pelarasan. Baucer yang dibenarkan pembayarannya di dalam tempoh AKB ialah baucer bagi bil/invois yang **DITERIMA** oleh jabatan/PTJ pada 19 Disember 2013 hingga 9 Januari 2014 sahaja. Bagi bil/invois yang diterima sebelum tarikh tersebut hendaklah diselesaikan sebelum atau pada 19 Disember 2013. Baucer yang tidak memenuhi garis panduan ini akan **DITOLAK**.
- 3.2.5 Tarikh akhir baucer AKB yang perlu diluluskan di peringkat jabatan adalah **pada 9 Januari 2014**. Sekiranya baucer berkenaan lewat diluluskan akan dipulangkan dan baucer ini perlu diganti dan dibayar di bawah AP 58 (a). Pada tahun 2013 permohonan kelulusan pembayaran di bawah AP 58 ( a ) hanya dibenarkan sehingga **1 April 2014** sahaja dengan menggunakan Sistem e-kewangan.

- 3.2.6 Dalam tempoh AKB iaitu bulan Januari 2014, baucer AKB tahun perakaunan perlu ditukar kepada tahun 2013. Bagi baucer-baucer tahun semasa tahun perakaunan ialah 2014.
- 3.2.7 Baucer bayaran yang dikuiiri dalam tempoh AKB hendaklah dikemukakan semula bagi tujuan pembayaran pada tarikh **12 & 13 Januari 2014** dengan menyatakan nombor baucer yang dikuiiri tersebut pada ruangan perihal.
- 3.2.8 Bagi pembayaran tuntutan elaun perjalanan didalam tempoh AKB hanya tuntutan bulan **Disember 2012** sahaja dibenarkan kerana bagi mengelakkan peningkatan didalam jumlah baucer bayaran yang diproses dalam AKB tersebut.
- 3.2.9 Semua bayaran yang dikenakan ke **Akaun Amanah** hendaklah diperakaunkan dalam tahun urusanniaga yang dilakukan (**tiada tempoh AKB**).Tarikh akhir baucer bayaran Amanah yang dibenarkan untuk dilulus supaya diperakaunkan dalam tahun 2013 ialah **pada 19 Disember 2013**.

### 3.3 ***Rekupmen Panjar Wang Runcit***

- 3.3.1 Buku Tunai hendaklah ditutup pada 31 Disember 2013. Baki Pendahuluan Panjar Wang Runcit dalam tangan Jabatan berkenaan tidak perlu dipulangkan kepada Bendahari Negeri. **Rekupmen akhir** dalam tahun 2013 hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada **19 Disember 2013** dan pastikan cek rekupmen tersebut diterima sebelum/pada 29 Disember 2013 dan dimasukkan ke dalam sistem menerusi butang 10 (Panjar Wang Runcit-Proses Pungutan cek). (Contoh seperti **Lampiran A1** berkembar)
- 3.3.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Perakuan Panjar Wang Runcit pada 31 Disember 2013 diterima oleh Bendahari Negeri selewat-lewatnya **9 Januari 2014**. Perakuan Panjar Wang Runcit pada 31 Disember 2013 hendaklah disediakan dalam 3 salinan yang perlu dicetak melalui sistem SPEKS selepas daripada rekupmen yang terakhir dilakukan dan perlu ditandatangani oleh Penyelia dan Pelulus. (Contoh seperti **Lampiran A** berkembar).
- 3.3.3 Langkah-langkah bagi mencetak Perakuan Panjar Wang Runcit melalui Sistem SPEKS adalah sebagaimana **Lampiran A1** berkembar.

### 3.4 ***Penutupan Buku Tunai Terimaan***

- 3.4.1 Pemungut hendaklah memastikan Buku Tunai ditutup selepas urusan pada hari kerja terakhir iaitu pada **31 Disember 2013**. Semua pungutan yang diterima hendaklah dimasukkan ke bank dengan segera. **Pungutan pada 31 Disember 2013 yang tidak sempat dimasukkan ke bank** hendaklah dimasukkan ke bank pada **1 Januari 2014** dan diakaunkan sebagai '**WANG TUNAI DALAM PERJALANAN**' (cash-in transit).
- 3.4.2 Kod Jenis bagi urusanniaga Wang Tunai Dalam Perjalanan ialah 154.

3.5 ***Akaun Deposit (AP 156 – AP 159)***

- 3.5.1 Semua Pegawai Pengawal hendaklah menyemak baki Akaun Deposit pada 31 Disember 2013 dengan rekod Bendahari Negeri seperti yang tercatat pada laporan bulan berkenaan. Sekiranya terdapat perbezaan di antara Lejar Kecil Jabatan dengan laporan, maka satu penyata penyesuaian hendaklah disediakan untuk menunjukkan perbezaan tersebut.
- 3.5.2 Satu **penyata lengkap senarai baki individu** tiap-tiap jenis akaun deposit bersama-sama **Penyata Penyesuaian** hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri dan satu salinan kepada Pengarah Audit Negeri (Tingkat 4, Wisma Darul Iman) **selewat-lewatnya pada 14 Januari 2014** bersama-sama dengan Sijil Pengesahan Akaun Deposit sebagaimana Lampiran B berkembar.
- 3.5.3 Pegawai Pengawal hendaklah mengenalpasti kod-kod yang terlibat dengan penyata akaun deposit ini bagi jabatan masing-masing yang mana kod-kod tersebut bermula dari kod (79501 hingga 79599).
- 3.5.4 Penyata lengkap senarai baki individu pada tiap-tiap jenis akaun deposit yang berakhir pada 31 Disember 2013 (bagi butiran 3.5.2) hendaklah disediakan mengikut usia deposit tersebut diselenggarakan oleh jabatan masing-masing.

3.6 ***Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Kumpulanwang/  
Akaun Amanah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (AP 164-165)***

- 3.6.1 **Pegawai Pengawal** yang mengurus dan mengendalikan **Kumpulanwang/Akaun Amanah** yang ditubuhkan **di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957** hendaklah menyediakan **Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013** bagi setiap Kumpulanwang/Akaun Amanah di bawah kawalannya. Satu **Penyata Penyesuaian** hendaklah disediakan untuk menunjukkan urusan yang telah berlaku.
- 3.6.2 Pegawai Pengawal hendaklah mengenalpasti kod-kod yang terlibat dengan Penyata Kewangan Negeri ini bagi jabatan masing-masing yang mana kod-kod amanah tersebut bermula dari kod (60002 hingga 65159)

- 3.6.3. Penyata ini hendaklah dikemukakan kepada **Pengarah Audit Negeri** (Tingkat 4,Wisma Darul Iman) dan salinan kepada Bendahari Negeri selewat-lewatnya pada **14 Januari 2014**. Format Penyata berkenaan adalah seperti **Lampiran C** dan manakala Sijil Pengesahan Baki akaun awam tersebut hendaklah disediakan mengikut **Lampiran C1** berkembar.

### **3.7 *Penyata Akaun Belum Terima (Tunggakan Hasil)***

- 3.7.1 Pemungut Hasil Negeri hendaklah menghantar penyata Akaun Belum Terima yang berakhir pada **31 Disember 2013** kepada Bendahari Negeri dan salinan kepada Pengarah Audit Negeri (Tingkat 4,Wisma darul Iman).Sekiranya tidak ada Akaun Belum Terima (Tunggakan) satu penyata '**TIADA**' hendaklah juga dihantar menurut A.P. 89A dengan menggunakan Borang Penyata Akaun Belum Terima mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan bil.3 Tahun 2008 seperti **Lampiran 'D'**. Tarikh penghantaran tidak lewat daripada **16 Januari 2014**.

### **3.8 *Baucer Jurnal Pelarasan***

- 3.8.1 Semua pelarasan yang perlu dibuat untuk akaun 2013 melalui Baucer Jurnal hendaklah sampai ke pejabat ini **tidak lewat daripada 15 Januari 2014**. Pastikan kod-kod dan huraian yang dinyatakan di atas Baucer Jurnal tersebut adalah betul dan baki peruntukan mencukupi untuk vot-vot perbelanjaan yang dikenakan (debit) kepadanya.

### **3.9 *Akaun Pendahuluan Pinjaman Kenderaan, Komputer Dan Pendahuluan Diri***

- 3.9.1 Ketua-ketua jabatan yang berkenaan hendaklah menyediakan Penyata Lengkap mengenai Pegawai-pegawai Awam yang ada mempunyai baki Pendahuluan Pinjaman Kenderaan, Komputer dan Pendahuluan Diri. Maklumat yang dikehendaki ialah Jenis Rekod, Nombor Gaji, Nombor Akaun, Nama Pegawai dan baki pendahuluan pada 31 Disember 2013.
- 3.9.2 **Penyata Baki Akaun Pendahuluan** pada 31 Disember 2013 hendaklah dihantar kepada Bendahari Negeri dan satu salinannya kepada Pengarah Audit Negeri (Tingkat 4,Wisma darul Iman) **tidak lewat daripada 16 Januari 2014**. Format penyata adalah seperti **Lampiran E**.

### 3.10 **Pengesahan Penyata Perbelanjaan**

3.10.1 Semua Pegawai Pengawal bagi Maksud **Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan, Akaun Amanah dan Akaun Hasil** adalah dikehendaki mengesahkan angka-angka yang terdapat pada Penyata Perbelanjaan Mengurus (**L201**), Penyata Perbelanjaan Pembangunan (**L204**), Penyata Akaun Amanah (**L400**) dan Penyata Akaun Hasil (**L300**) bagi tahun 2013. **Sijil Pengesahan dengan Penyata Penyesuaian** terhadap apa-apa perbezaan angka yang ada hendaklah sampai di Pejabat Bendahari Negeri **tidak lewat dari 14 Januari 2014.**

## 4. **PENUTUP**

- 4.1 Semua Ketua Jabatan dan Ketua Pejabat adalah diminta supaya sentiasa memastikan bahawa bil-bil yang diterima bagi pembelian barang-barang atau perkhidmatan dibayar dalam tempoh **14 hari** selaras dengan peruntukan yang digariskan dalam **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006.**
- 4.2 Ketua-ketua Jabatan adalah dikehendaki mematuhi peraturan dan tarikh yang ditetapkan bagi semua perkara yang disebutkan dalam surat Pekeliling ini bagi membolehkan penutupan dan seterusnya penyediaan **Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013** berjalan dengan lancar.
- 4.3 Segala kemusykilan berkenaan dengan pekeling ini bolehlah berhubung terus dengan pegawai-pegawai di:-

**Pejabat Bendahari Negeri  
Bahagian Pengurusan Perakaunan,  
Perbendaharaan Negeri Terengganu.**

**Telefon No. 09-6231957 Sambungan 6269/6254/6255**

Sekian, terima kasih.

**“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN ”**

**\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA \***

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL )**

Pegawai Kewangan Negeri,  
Terengganu.

s.k.

Akauntan Negara Malaysia,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Wilayah Persekutuan Putrajaya,  
**Kuala Lumpur.** - ( *U/P: Bhg. Penyelarasan Akauntan Negeri dan Bendahari Negeri* )

Bendahari Negeri,  
**Terengganu.**

Pengarah Audit Negeri,  
**Terengganu.**

Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Cawangan Terengganu,  
**Kuala Terengganu.**

Fail timbul

**PENUTUPAN AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI TERENGGANU TAHUN 2013  
PENETAPAN TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN DAN PENYATA**

| <b>BIL</b> | <b>BUTIRAN DOKUMEN/PENYATA</b>                                                                               | <b>TARIKH AKHIR SERAHAN</b> |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| 1.         | Pesanan Kerajaan / Inden Kerja                                                                               | 28 November 2013            |
| 2.         | Kelulusan Pindah Peruntukan                                                                                  | 12 Disember 2013            |
| 3.         | Lulus Baucer Bayaran Perbelanjaan Tahun 2013 Oleh PTJ/Jab                                                    | 19 Disember 2013            |
| 4.         | Rekupmen Akhir Panjar Wang Runcit 2013                                                                       | 19 Disember 2013            |
| 5.         | Lulus Baucer Amanah / Deposit Tahun 2013 Oleh PTJ/Jab                                                        | 19 Disember 2013            |
| 6.         | Baucer Bayaran Akaun Kena Bayar 2013                                                                         | 09 Januari 2014             |
| 7.         | Baucer Bayaran Kuir (Akaun Kena Bayar 2013)                                                                  | 12-13 Januari 2014          |
| 8.         | Perakuan Panjar Wang Runcit Diterima Oleh Bendahari Negeri                                                   | 09 Januari 2014             |
| 9.         | Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah / Penyata Ringkasan Berjadual Dikemukakan Ke Pej.Bendahari Negeri  | 14 Januari 2014             |
| 10.        | Pengesahan Perbelanjaan dan Penyata Penyesuaian Vot / Hasil / Amanah Dikemukakan Ke Pej.Bendahari Negeri     | 14 Januari 2014             |
| 11.        | Senarai Pendeposit, Sijil Pengesahan & Penyata Penyesuaian Akaun Deposit Dikemukakan Ke Pej Bendahari Negeri | 14 Januari 2014             |
| 12.        | Penyata Pinjaman / Pendahuluan / Baki Hutang Dikemukakan Ke Pej.Bendahari Negeri                             | 16 Januari 2014             |
| 13.        | Penyata Tunggakan Hasil Dikemukakan Ke Pej.Bendahari Negeri                                                  | 16 Januari 2014             |
| 14.        | Baucer Jurnal Pelarasan Oleh PTJ/Jab                                                                         | 15 Januari 2014             |
| 15.        | Permohonan Kelulusan Pembayaran AP 58 Oleh PTJ/Jab                                                           | 01 April 2014               |



# CONTOH

## Lampiran A

Kod Jabatan : 0020 PENTADBIR TANAH DAERAH BESUT  
Kod PTJ : 00200000 PENTADBIR TANAH DAERAH BESUT  
No. Kad Kecil : 1


### PERAKUAN PANJAR WANG RUNCIT SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2009

Saya memperakui bahawa baki wang runcit yang ada dalam tangan saya selepas tutup urusan pada hari kerja terakhir dalam tahun 2009 berkenaan dengan panjar sebanyak RM 750.00 yang diberi kepada saya ialah RM 637.10 (Ringgit : ENAM RATUS TIGA PULUH TUJUH DAN SEN SEPULUH SAHAJA ) dan telah diperakaunkan dengan betul seperti berikut:


|                                                                                          | NOTA | RM     |
|------------------------------------------------------------------------------------------|------|--------|
| a) Amaun yang didahulukan kepada saya                                                    |      | 750.00 |
| <b>TOLAK :</b>                                                                           |      |        |
| b) Reкупmen yang diminta tetapi belum dijelaskan seperti dalam senarai yang dikembalikan | A    | 148.70 |
| c) Baucer ditangan seperti dalam senarai yang dikembalikan                               | B    | .00    |
| d) Baki Buku Tunai                                                                       |      | 601.30 |
| Disokong oleh:                                                                           |      |        |
| e) i) Wang Tunai ditangan                                                                |      | 601.30 |
| ii) Wang Tunai dibank                                                                    |      | .00    |

2. Senarai sokongan yang disertakan dengan perakuan ini telah disahkan oleh 2 orang pegawai yang bertanggungjawab tentang kebetulannya

Tarikh: Tandatangan  
Nama Pegawai Yang Bertanggungjawab  
Atas Kewangan  
Cop Jabatan

  
W. SULAIMAN BIN W. AHMAD  
Penolong Pegawai Tadbir  
Pentadbir Tanah Besut

Tarikh: Tandatangan  
Nama Ketua Jabatan  
Cop Jabatan

  
TUAN HAJI OMAR BIN MAT

OMAR BIN MAT  
Ketua Penolong Pentadbir Tanah  
Pentadbir Tanah  
Besut

**Peringatan:** \* Ini hanya dipakai oleh Jabatan-jabatan yang menyimpan pendahuluan panjar wang runcitnya dalam akaun bank. Jabatan-jabatan ini hendaklah menghantar bersama dengan perakuan ini penyata penyesuaian bank dan perakuan bank yang menunjukkan baki seperti pada 31 Disember.

Penyediaan Rekupmen Panjar Wang Runcit Akhir

PTJ Kew - Skrin Kemasukan Panjar Wang Runcit 14/09/2009

Cetak Pertanyaan Tambah Edit Batal Batal Baris Simpan Semak Lulus Kosongkan Keluar

**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**  
Panjar Wang Runcit

Tahun Kewangan: 2010 Tarikh: 18/10/2010 No Baucer Kecil: [REDACTED]

Jabatan Pembayar: 0014 PEGAWAI DAERAH HULU TERENGGANU

PTJ Rembayar: 00140000 PEGAWAI DAERAH HULU TERENGGANU

No Kad Kecil: 1 PEGAWAI DAERAH HULU TERENGGANU

Nama Penerima: AWANG

No KP/No Gaji: 770707110707 No Resit: 01157, 01178 Tarikh Bekalan: 01/10/2010

Butir Butir Perbelanjaan: MEMBELI STARTER

Isi maklumat seperti biasa

| Bil    | Vot | Jabatan | Ptj/Pk   | Program/Akt | Amanah | Projek | Setia | CP | OSOL/Barang        | Amaun  |
|--------|-----|---------|----------|-------------|--------|--------|-------|----|--------------------|--------|
| 1      | B14 | 0014    | 00140000 | 000040      |        |        |       |    | 261039999903000000 | 192.50 |
| Jumlah |     |         |          |             |        |        |       |    |                    | 192.50 |

Window

PTJ Kew - Panjar Wang Runcit - Rekupmen 15/01/2009

Pertanyaan Proses Kosongkan Keluar

**Panjar Wang Runcit (Rekupmen)**

Tahun Kewangan: 2009 Tarikh: 18/11/2009

Jabatan: 0014 PTJ/PK: 00140000

No Kad Kecil: 1



No Invois/Daftar Bayaran: [REDACTED] Penerima: PEGAWAI DAERAH HULU TERENGGANU

Perihal Daftar Bayaran: PANJAR WANG RUNCIT

Adakah ini Rekupmen akhir tahun?  Ya  Tidak

Pastikan ditanda 'Ya'

| No Baucer Kecil | Tarikh Baucer Kecil | No   | Amaun  |
|-----------------|---------------------|------|--------|
| P0000071        | 08/09/2009          | 0115 | 192.50 |
|                 |                     |      |        |
|                 |                     |      |        |
|                 |                     |      |        |
|                 |                     |      |        |
|                 |                     |      |        |
|                 |                     |      |        |
|                 |                     |      |        |
|                 |                     |      |        |
|                 |                     |      |        |
| Jumlah          |                     |      | 192.50 |



PTJ Kew - Sijil Panjar Akhir Tahun 16/01/2009

Laporan Kosongkan Keluar

Sijil Perakuan Panjar Akhir Tahun

Jenis Destinasi:

Nama Destinasi:

|                              |                                       |
|------------------------------|---------------------------------------|
| Tahun Kewangan               | <input type="text" value="2009"/>     |
| Jabatan                      | <input type="text" value="0014"/>     |
| PTJ/PK                       | <input type="text" value="00140000"/> |
| No Ked Kecil                 | <input type="text" value="1"/>        |
| Wang Tunai DiBank (Jika Ada) | <input type="text" value="0.00"/>     |
| Nama Ketua Jabatan           | <input type="text"/>                  |

Masukkan baki wang tunai di tangan

Window

PTJ Kew - Sijil Panjar Akhir Tahun 16/01/2009

Laporan Kosongkan Keluar

Sijil Perakuan Panjar Akhir Tahun

Jenis Destinasi:

Nama Destinasi:

|                              |                                          |
|------------------------------|------------------------------------------|
| Tahun Kewangan               | <input type="text" value="2009"/>        |
| Jabatan                      | <input type="text" value="0014"/>        |
| PTJ/PK                       | <input type="text" value="00140000"/>    |
| No Ked Kecil                 | <input type="text" value="1"/>           |
| Wang Tunai DiBank (Jika Ada) | <input type="text" value="10.10"/>       |
| Nama Ketua Jabatan           | <input type="text" value="PUAN SHEILA"/> |

Masukkan gelaran jawatan Ketua Jabatan

Kod Jabatan : 0014 PEGAWAI DAERAH HULU TERENGGANU  
 Kod PTJ : 00140000 PEGAWAI DAERAH HULU TERENGGANU  
 No. Kad Kecil : 1

**PERAKUAN PANJAR WANG RUNCIT  
 SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2009**

Saya memperakui bahawa baki wang runcit yang ada dalam tangan saya selepas tutup urusan pada hari kerja terakhir dalam tahun 2009 berkenaan dengan panjar sebanyak RM. 800.00 yang diberi kepada saya ialah RM 800.00 (Ringgit : LAPAN RATUS ) dan telah diperakunkan dengan betul seperti berikut:

|                                                                                       | NOTA | RM     |
|---------------------------------------------------------------------------------------|------|--------|
| a) Amaun yang didahulukan kepada saya                                                 |      | 800.00 |
| TOLAK :                                                                               |      |        |
| b) Rekupmen yang diminta tetapi belum diproses seperti dalam senarai yang diambangkan | A    | 0.00   |

Contoh perakuan Panjar Wang runcit yang perlu dihantar ke Pejabat Perbendaharaan Negeri (Bahagian Pengurusan Perakaunan).

PTJ Kew - Panjar Wang Runcit - Pungutan Cek 11/01/2012

Proses Kosongkan Keluar

**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**Panjar Wang Runcit - Proses Pungutan Cek**

**Jenis Pungutan**

Pungutan Cek     Tambahan Peruntukan PWR     Kemasukan Baki Awal Panjar

Tahun Kewangan: 2012

Jabatan Pembayar: 0016 PEGAWAI DAERAH KUALA TERENGGANU

PTJ Pembayar: 00160000 PEGAWAI DAERAH KUALA TERENGGANU

No Kad Kecil: [ ]

Nombor Cek: [ ]    No Baucer: [ ]

Tarikh Cek: [ ]    Amaun cek: [ ]

Jenis Pungutan Cek: [ ]

Setelah cek diterima, sila masukkan no.cek diruang NOMBOR CEK

# CONTOH

Lampiran B

## SIJIL PENGESAHAN AKAUN AMANAH MENGIKUT PUSAT TANGGUNGJAWAB / PUSAT KOS

Jabatan :  
PTJ :

Tarikh:

Bendahari Negeri,  
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu,  
Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,  
20592 KUALA TERENGGANU.

Pengarah Audit Negeri Terengganu,  
Jabatan Audit Negara Malaysia,  
Cawangan Negeri Terengganu,  
Tingkat 11, Wisma Persekutuan,  
20518 KUALA TERENGGANU.

Tuan,

**PENGESAHAN AKAUN AMANAH KOD NO.  
PADA AKHIR BULAN  
BERJUMLAH RM**  
~~~~~

Saya mengesahkan bahawa jumlah akaun amanah mengikut salinan Akaun Lejar Pejabat  
Pembayar di atas adalah:-

Betul dan sama dengan jumlah yang dicatitkan dalam Buku Tunai saya

Berbeza dengan jumlah yang tercatat dalam Buku Tunai saya dan bersama-  
sama ini saya lampirkan satu Penyata Penyesuaian yang menerangkan  
perbezaan antara kedua-dua baki tersebut.

( Kotak berkenaan bertanda  / \* ( yang tidak berkenaan dipotong )

( ..... )

Nama Kementerian Jabatan / Pejabat  
Dan Cop Rasmi Pemungut Hasil

# CONTOH

Lampiran C

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN  
KUMPULANWANG / AKAUN AMANAH .....  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, \_\_\_\_\_**

	(RM)
<b>BAKI JABATAN PADA 1 JANUARI</b>	<b>XXXXX</b>
<b>TERIMAAN</b>	
1. ... ..	XXXXX
2. ... ..	XXXXX
3. ... ..	XXXXX
	_____
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>	<b>=====</b>
<b>BAYARAN</b>	
1. ... ..	XXXXX
2. ... ..	XXXXX
3. ... ..	XXXXX
	_____
<b>JUMLAH BAYARAN</b>	<b>_____</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN</b>	<b>_____</b>
<b>BAKI JABATAN PADA 31 DISEMBER, _____</b>	<b>_____</b>
<b>BAKI SEPERTI FLIMSI ANT PADA 31 DISEMBER, _____</b>	<b>_____</b>
<b>PERBEZAAN</b>	<b>_____</b>

.....  
(T/TANGAN PEGAWAI PENGAWAL)

- NOTA: 1. Butiran terimaan dan bayaran yang disenaraikan hendaklah mengikut Arahan Amanah Kumpulangwang / Akaun Amanah berkenaan.  
2. Sila lampirkan senarai-senarai berkaitan terimaan dan bayaran berkenaan  
3. Sila sediakan Penyata Penyesuaian jika terdapat perbezaan antara baki Jabatan dengan baki ANT pada 31 Disember, \_\_\_\_\_.

*Pek. Perb. Bil 8 (B)*

# CONTOH

Lampiran C1

## SIJIL PENGESAHAN BAKI

AKAUN AMANAH : .....  
(nama Akaun Amanah)

NO. KOD AKAUN AMANAH : .....  
(no. Kod Akaun Amanah)

KOD JABATAN : .....  
(no. Kod Jabatan)

SEPERTI PADA : .....  
(tarikh)

1. Adalah disahkan baki akaun amanah di atas mengikut Laporan Sistem Akaun Pusat/Laporan Sistem Perakaunan Cawangan\* adalah:-

1.1  Bersamaan dengan baki mengikut rekod Jabatan iaitu RM .....

1.2  Berbeza dengan baki mengikut rekod Jabatan dan disertakan Penyata Penyesuaian Akaun Amanah bagi menerangkan perbezaan tersebut.

2. Adalah disahkan baki Buku Akaun Amanah Jabatan \*\* adalah:-

2.1  Bersamaan dengan rekod/penyata bank iaitu RM .....

2.2  Berbeza dengan rekod/penyata bank dan disertakan Penyata Penyesuaian Bank bagi menerangkan perbezaan tersebut.

3. Adalah disahkan bahawa Arahan Perbendaharaan 155 dipatuhi:-

3.1  Akaun Amanah ini masih diperlukan

3.2  Akaun Amanah ini tidak diperlukan lagi

( Nama Pegawai/Jawatan )  
Cop Jabatan

### Nota:

\* : potong mana yang tidak berkenaan

\*\* : hanya untuk Akaun Amanah yang dibenarkan menggunakan akaun bank sendiri selain daripada bank JANM

: sila tandakan dikotak yang berkenaan



# CONTOH

Lampiran D

ABT-2

KEMENTERIAN /JABATAN .....  
PENYATA TAHUNAN TUNGGAKAN HASIL SEPERTI PADA 31 DISEMBER, 20 .....

Bil. Siri	Usia Tunggakan Hasil	Tunggakan Hasil (1) RM	Amaun Hapuskira Yang Diluluskan (2) RM	Jumlah Bersih (1) - (2) RM	Tindakan Susulan
1.	Hingga satu (1) tahun				
2.	Lebih dari satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun				
3.	Lebih dari tiga (3) tahun hingga enam (6) tahun				
4.	Lebih dari enam (6) tahun				
5.	Jumlah				

Disahkan bahawa maklumat-maklumat seperti tersebut di atas menunjukkan kedudukan sebenar

\* Tandatangan Pegawai/Pemungut :

Nama Pegawai Yang Menandatangani Penyata :

Jawatan :

Tarikh :

\* Potong mana yang tidak berkenaan

**LAMPIRAN 'E'**

**Kod Jabatan** :

**Kod Pendahuluan** :

**Jenis Rekod** :

Bil	No. Gaji	No. Akaun	Nama Pegawai	Amaun Baki Pada 31 Dis.
1				
2				
3				
4				
5				
<b>JUMLAH :</b>				

Baki Di Jabatan RM .....

Baki Di Akauntan Negeri RM .....

Perbezaan /Selisih **RM** =====

Kenyataan : .....

Disahkan bahawa perakaunan yang tersebut di atas adalah betul.

Tarikh : .....

.....  
( Ketua Jabatan )

Tandatangan & Cop

*Pekeliling(1)*